

TEKS UCAPAN
DATO’ MAIMUNAH MOHD SHARIF
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA SESI “TOWN HALL” DIALOG BAJET MPSP 2018
PADA 13 MEI 2017 (SABTU)
DI ICONIC HOTEL, ICON CITY, BUKIT MERTAJAM

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO)
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa
Kerajaan Tempatan, Pengurusan
Lalu Lintas dan Tebatan Banjir

Yang Dihormati YB Ahli Parlimen dan YB ADUN

Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Hijau MPSP

Rakan-Rakan Media

**Rakan Kongsi MPSP dari Pelbagai Agensi Kerajaan dan Swasta, NGO, PWDC, ThinkCity, JKKK dan Briged Wanita
Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Pendahuluan

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari ini untuk berkumpul di dalam Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2018. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi hadir ke Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2018 pada pagi ini.
2. Di sini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Ahli Parlimen, YB Adun, wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta, PWDC, ThinkCity, Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan, JKKK, Rukun Tetangga dan Briged Wanita kerana dapat meluangkan masa untuk hadir ke sesi ini.
3. Pada hari ini juga akan disampaikan keputusan dan hadiah Program “Taman Bersih” MPSP untuk tahun 2016.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Pengurusan Kewangan MPSP

4. Cabaran utama MPSP dalam pengurusan kewangan MPSP adalah bagaimana menguruskan sumber yang terhad berbanding keperluan dan permintaan penduduk (*limited resources with unlimited needs and wants*). Anggaran kutipan hasil cukai taksiran untuk tahun 2017 adalah sebanyak RM178.9 juta. Jumlah keseluruhan premis berkadar di Seberang Perai adalah 315,932 unit yang terdiri daripada perindustrian, rumah kediaman, premis perniagaan dan perdagangan, rumah kampung dan tanah. Oleh itu, anggaran kos perbelanjaan yang ditanggung oleh MPSP untuk seunit premis berkadar adalah sebanyak RM566.30 setahun atau RM47.20 sebulan.
5. Mentadbir satu organisasi PBT, adalah sama seperti mentadbir satu badan korporat. Tujuannya adalah untuk mengurangkan kos pengurusan, meningkatkan hasil dan produktiviti, di samping masih meningkatkan lagi kecemerlangan perkhidmatan kami kepada pembayar cukai. Perbelanjaan MPSP boleh dikurangkan sekiranya mendapat kerjasama yang erat daripada warga Seberang Perai serta kesediaan berganding bahu menyelesaikan masalah setempat. Perbelanjaan yang dapat dikurangkan ini dapat dimanfaatkan ke atas penyediaan kemudahan awam, infrastruktur, kawasan rekreasi, pembangunan kompleks penjaja dan sebagainya.

Sustainable Development Goals

6. MPSP sentiasa berusaha untuk memberikan kehidupan yang terbaik kepada warga Seberang Perai dengan berlandaskan 17 matlamat pembangunan mampan atau ‘***Sustainable Development Goals***’ terutamanya matlamat no. 11 iaitu menjadikan perbandaran dan penempatan inklusif, selamat, *resilient* dan mampan (***Sustainable Development Goals 11 – make cities and***

(*human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable*) bagi mencapai keperluan dan kehendak komuniti setempat. Seberang Perai inklusif, selamat, *resilient* dan mampan adalah selaras dengan prinsip Kerajaan Negeri untuk menjadikan negeri Pulau Pinang lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih sihat.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Gender Responsive and Participatory Budgeting

7. Majlis Perbandaran Seberang Perai telah melaksanakan Bajet Responsif Gender dan Partisipatori atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) sejak tahun 2012 bagi memastikan keperluan semua kumpulan gender yang berbeza di Seberang Perai tercapai. Tujuannya adalah untuk memastikan pengagihan dan penyediaan peruntukan kewangan akan memberi impak dan output yang memuaskan hati semua pihak. Ia merangkumi dengan mengadakan dialog bersama penduduk dan komuniti, pengumpulan data yang lebih sistematik yang membolehkan penilaian perbelanjaan bajet mengikut gender dan lain-lain.
8. Dengan mengaplikasikan bajet gender, MPSP melibatkan komuniti atau wakil penduduk Seberang Perai dalam menyediakan bajet tahunan. Dengan menggunakan pendekatan ini, penduduk lebih menghargai setiap perancangan pembangunan atau projek yang dijalankan.

Priority Based Budgeting

9. MPSP menyediakan Bajet berdasarkan *priority based budgeting* atau bajet berdasarkan keutamaan. Ini bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada warga Seberang Perai. Sejak tahun 2012 sehingga kini, MPSP telah mengadakan Sesi “Town

Hall” Dialog Bajet bersama komuniti. Pelbagai pandangan dan cadangan telah diberi oleh wakil penduduk Seberang Perai bagi memastikan penyediaan Bajet disediakan lebih memenuhi kehendak dan keperluan penduduk Seberang Perai.

10. Sesi “Town Hall” ini juga merupakan platform untuk berinteraksi secara langsung dengan komuniti Seberang Perai. Menerusi sesi ini, MPSP mendapat pandangan sekaligus dapat menjalin kerjasama dengan komuniti Seberang Perai dalam menangani isu-isu perbandaran seperti kebersihan, perumahan, pencemaran alam sekitar, keselamatan dan lalulintas, penguatkuasaan, isu-isu banjir dan lain-lain isu perbandaran dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Soal Selidik Bajet 2018

11. Pada 1 Januari hingga 28 Februari 2017 yang lalu, MPSP telah menjalankan Soal Selidik Bajet Tahun 2018 yang berlandaskan *Gender Responsive Participatory Budgeting (GRPB)*. Soal selidik bajet ini bertujuan untuk mendapatkan input dan pandangan daripada masyarakat terhadap perkhidmatan MPSP serta menyentuh berkenaan aspek gender iaitu keperluan yang berbeza dari kumpulan yang berbeza (*different people, different needs*).
12. Soal Selidik Bajet 2018 telah disediakan dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris supaya komuniti pelbagai bangsa boleh memahami soal selidik tersebut dan turut mengambil bahagian. Soal selidik kali ini telah dijalankan di beberapa kawasan di seluruh Seberang Perai seperti di pasaraya-pasaraya besar, pasar-pasar, kompleks penjaja serta program-program anjuran MPSP.

13. Selain itu, soal selidik ini disediakan secara online bagi memudahkan warga Seberang Perai memberikan pandangan. Soal selidik ini juga telah diedarkan kepada semua Ahli Majlis MPSP di kawasan masing-masing bagi membolehkan masyarakat setempat turut serta dalam soal selidik kali ini.
14. Secara keseluruhannya, daripada soal selidik bajet 2015 hingga 2018 yang telah dijalankan, maklumbalas daripada responden ke atas perkhidmatan keseluruhan MPSP menunjukkan **67% tahap kepuasan** pada tahun 2015, **89% tahap kepuasan** pada tahun 2016, **88% tahap kepuasan** pada tahun 2017 dan **94% tahap kepuasan** untuk soal selidik bajet tahun 2018.
15. Daripada analisa data ini, menunjukkan kepercayaan dan kepuasan pembayar cukai di Seberang Perai telah meningkat. Ini juga telah ditafsirkan perkhidmatan MPSP telah bertambah baik. Walau bagaimanapun, masih banyak ruang lagi kakitangan MPSP untuk meningkatkan dan menambahbaik perkhidmatan kita.
16. MPSP dapat mencapai target bilangan responden iaitu 1% daripada bilangan penduduk Seberang Perai. Jumlah responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah 10,648 orang. Jumlah penduduk di Seberang Perai adalah 970,780 orang. Tahap keutamaan responden ke atas perkhidmatan MPSP untuk tahun 2018 adalah: -
 - (i) **Kebersihan** - **24%** *stakeholder* telah menyatakan bahawa MPSP perlu memberikan keutamaan (*priority*) kepada kebersihan dalam penyediaan bajet tahun 2018 berbanding dengan tahun 2017 iaitu **27%**,
 - (ii) **Infrastruktur & Kemudahan Awam** - **15%** *stakeholder* telah berpendapat bahawa bajet MPSP tahun 2018 perlu diberi perhatian

kepada infrastruktur dan kemudahan awam berbanding dengan tahun 2017 iaitu **16%**,

- (iii) Manakala **Kawalan Banjir** - keutamaan untuk bajet tahun 2018 adalah **tidak berubah** dengan tahun 2017 iaitu **13%**,
- (iv) **Keselamatan & Lalulintas** pula - keutamaan untuk bajet tahun 2018 adalah **15%** berbanding dengan tahun 2017 iaitu **13%**,
- (v) Bagi **Pengindahan & Kehijauan** - keutamaan untuk bajet tahun 2018 adalah **13%** berbanding dengan tahun 2017 iaitu **12%**,
- (vi) Untuk **Penguatkuasaan Undang-Undang** - keutamaan untuk bajet tahun 2018 adalah **tidak berubah** dengan tahun 2017 iaitu **10%** dan
- (vii) **Penglibatan Komuniti** - *stakeholder* menyatakan keutamaan bajet tahun 2018 adalah 10% berbanding dengan tahun 2017 iaitu **9%**.

17. Analisa terperinci hasil dari soal selidik akan dibentangkan oleh Tuan Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP sebentar nanti.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Bajet 2017

18. Di dalam Bajet 2017, MPSP memberikan penekanan ke atas tujuh (7) fokus perkhidmatan teras seperti berikut: -

- (i) **Kebersihan** sebanyak RM101.74 juta (36.5%) berbanding dengan tahun 2016 iaitu RM98.99 juta (37.3%).

- (ii) **Keselamatan dan Lalu Lintas** pula adalah sebanyak RM16.65 juta (6.0%) berbanding tahun 2016 iaitu RM17.54 juta (6.6%).
- (iii) Manakala **Infrastruktur dan Kemudahan Awam** sebanyak RM11.42 juta (4.1%) berbanding dengan tahun 2016 iaitu RM8.55 juta (3.4%). Ini tidak termasuk dengan penggunaan Wang Sumbangan Menggantikan Penyediaan Kemudahan Awam sebanyak **RM1.85 juta** pada tahun 2017 untuk tujuan penyediaan kemudahan infrastruktur seperti naik taraf kompleks makanan dan pasar awam serta penyediaan kemudahan awam yang lain.
- (iv) Untuk **Kawalan banjir** sebanyak RM10.43 juta (3.7%) berbanding dengan tahun 2016 iaitu RM11.51 juta (4.3%). Jumlah ini tidak termasuk projek yang menggunakan peruntukan Wang Caruman Pemaritan yang akan dipohon melalui Jawatankuasa Tebatan Banjir di peringkat Kerajaan Negeri sebanyak RM13.37 juta.
- (v) **Pengindahan dan Kehijauan** pula diperuntukkan sebanyak RM4.80 juta (1.7%) berbanding tahun 2016 iaitu RM5.06 juta (1.9%). MPSP juga akan menggunakan Wang Sumbangan Menggantikan Kemudahan Awam (Tanah Lapang) sebanyak **RM500,000** pada tahun 2017 bagi menceriakan lagi kawasan persekitaran Seberang Perai. Ini juga tidak termasuk projek-projek di bawah program “**4P’s: Public-Private People Partnership**”.
- (vi) **Penguatkuasaan Undang-Undang** adalah sebanyak RM4.53 juta (1.6%) berbanding dengan tahun 2016 iaitu RM4.49 juta (1.7%).
- (vii) **Penglibatan komuniti** pula adalah sebanyak RM2.62 juta (0.9%) berbanding dengan tahun 2016 iaitu RM3.12 juta (1.2%).

19. Berdasarkan jumlah peruntukan tersebut ianya menunjukkan komitmen MPSP dalam memberikan perkhidmatan yang efektif dan efisien serta kekal relevan bagi memenuhi kehendak *stakeholders*.

Penguatkuasaan Pengasingan Sisa Di Punca

20. Pada 1 Jun 2016 yang lalu, Dasar Pengasingan Sisa Di Punca telah dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang. Dasar ini bertujuan untuk mengurangkan perbelanjaan kebersihan. Jikalau perbelanjaan pembersihan dapat dikurangkan sebanyak 50%, maka MPSP akan ada lebih peruntukan sebanyak RM50 juta untuk dibelanjakan bagi pembangunan, infrastruktur dan kemudahan awam, pengindahan dan kehijauan.

21. Dengan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, diharap jumlah sisa dapat dikurangkan dengan 50% lagi dari 1,100 tan sehari ke 550 tan sehari. Dengan pengurangan 550 tan sehari, MPSP akan dapat menjimatkan bayaran tipping fees sebanyak RM11,110 sehari menjadikan kos penjimatan sebanyak RM333,300 sebulan iaitu hampir mencecah RM4 juta setahun. Kadar kitar semula MPSP untuk tahun 2016 adalah 42.6%. Jumlah pengurangan penjanaan sisa berbanding tahun 2015 adalah sebanyak 6,451 tan iaitu penjanaan sisa untuk tahun 2016 adalah 434,009 tan.

22. Mulai 1 Jun 2017, MPSP akan menjalankan penguatkuasaan pengasingan sisa di punca berdasarkan Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah yang boleh Dikitar Semula (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016. Setiap penghuni premis hendaklah memastikan sampah yang boleh dikitar semula diasingkan daripada sampah baki. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau syarat sekatan lesen adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak

melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

23. Untuk tahun 2016, MPSP telah menyerah Notis Pengasingan Sisa Di Punca sebanyak 8,266 dan sehingga 10 Mei 2017, MPSP telah menyerah sebanyak 6,929 notis kepada premis yang masih belum mematuhi dasar pengasingan sisa di punca. Oleh itu, saya berharap dengan kerjasama Tuan-Tuan dan Puan-Puan dalam melaksanakan dasar ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Kadar Kitar Semula

24. Walaupun kitar semula MPSP adalah yang tertinggi di Malaysia iaitu 42.6% pada tahun 2016 tapi ianya masih jauh lebih rendah daripada Jerman iaitu 62%, Austria (68%), Taiwan (60%) dan 59% di Singapura. MPSP amat memerlukan penglibatan aktif *stakeholders* bagi mencapai matlamat perkhidmatan perbandaran bertaraf antarabangsa.
25. Pengurusan alam sekitar yang sistematik juga merupakan satu elemen penting dalam kesejahteraan dan keselamatan di kawasan bandar maupun luar bandar kepada masyarakat suatu kawasan. Tanggungjawab bagi memulihara alam sekitar memerlukan penglibatan dan komitmen semua pihak daripada peringkat Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan, masyarakat dan juga individu. Ianya mesti dilakukan melalui pembentukan budaya dan penghayatan nilai mesra alam serta mewujudkan keadaan yang saling memerlukan di mana setiap pihak memainkan peranan masing-masing.

Pertandingan Taman Bersih Tahun 2016

26. Selaras dengan itu, Majlis telah mengambil inisiatif menganjurkan Program Taman Bersih bermula pada tahun 2014. Tujuan program ini dibuat adalah untuk menggalakkan penyertaan masyarakat di dalam aktiviti kebersihan demi untuk kebaikan bersama. Sebanyak 37 taman telah dinilai dan penilaian akhir telah dibuat terhadap tujuh (7) taman terbaik yang memenuhi kriteria pertandingan yang mewakili 7 kawasan Parlimen iaitu: -
- a) Taman Bayu Aman
 - b) Taman Kota Permai
 - c) Taman Jawa
 - d) Taman Janggus Jaya
 - e) Taman Seri Impian
 - f) Taman Bertam Indah Fasa 6
 - g) Taman Sungai Aceh

27. Hadiah berupa wang tunai dan sijil penyertaan akan diberikan kepada 3 taman yang terbaik sebentar lagi. Pemenang tempat pertama akan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.00 beserta sijil penyertaan, tempat kedua wang tunai berjumlah RM750.00 beserta sijil penyertaan dan tempat ketiga hadiah wang tunai berjumlah RM500.00 beserta sijil penyertaan. Tahniah diucapkan kepada semua taman yang berjaya dan syabas kepada semua yang mengambil bahagian. Saya berharap tujuh (7) taman bersih ini akan terus mengekalkan kebersihan kawasan taman masing-masing walaupun selepas tempoh pertandingan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Penutup

28. Sebagai Yang Dipertua MPSP, besarlah harapan saya agar penyertaan Tuan-Tuan dan Puan-Puan dalam Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2018 ini dapat bersama-sama dengan MPSP dalam merangka pelan tindakan bagi isu-isu yang disebutkan tadi untuk dimasukkan dalam perancangan Bajet tahun 2018 dan Fokus MPSP 2018. Saya juga berharap agar peluang ini dimanfaatkan sebaik mungkin dengan memberikan idea-idea dan cadangan-cadangan yang praktikal untuk dilaksanakan supaya Seberang Perai menjadi sebuah kawasan perbandaran yang dinamik, kondusif dan progresif pada masa kini dan terus cemerlang di masa hadapan.
29. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow yang akan merasmikan program ini dan semua yang sudi hadir pada hari ini. Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.